

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/03/2000

## Kedudukan raja mampu menasihatkan Islam bersatu

**JOHOR BAHRU 19 Mac** — Raja-raja Melayu boleh menasihatkan umat Islam hidup bersatu padu dan tidak berselisih sesama sendiri kerana kedudukan mereka yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Negeri, Hamzah Ramli berkata, masyarakat Melayu masih menunjukkan taat setia kepada raja-raja Melayu dan pengaruh itu boleh digunakan sebagai usaha untuk menyatukan kembali masyarakat Islam yang tebal dengan fahaman politik sehingga menjejaskan kehidupan bermasyarakat.

"Teguran dari raja-raja Melayu boleh

membantu menyatukan kembali masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik kerana pengaruh mereka masih dihormati oleh masyarakat Melayu," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Khamis lalu bahawa raja-raja Melayu boleh memainkan peranan menyatukan masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik di negara ini melalui majlis-majlis agama yang mereka terajui.

Hamzah juga berkata, umat Islam

perlu merujuk kepada golongan pakar dalam bidang agama seperti mufti terlebih dahulu sebelum mempercayai bulat-bulat 'fatwa' yang dikemukakan oleh parti-parti politik di negara ini.

Menurutnya, masalah perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini timbul apabila ada parti politik dan pihak yang tidak bertanggungjawab membuat 'fatwa' yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam.

"Akibatnya, timbullah bermacam-macam 'fatwa' yang tidak logik seperti sokong sebuah parti dan sesebuah kumpulan itu pengikutnya akan masuk ke syurga," katanya.